# UCAPAN ALUAN

**YANG BERUSAHA**

**PROFESOR Ir. Dr. HAJI AHMAD RASHIDY RAZALI**

**REKTOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**CAWANGAN PULAU PINANG**

**"PROGRAM PENANAMAN SATU JUTA POKOK DI PULAU PINANG SEMPENA HARI BUMI SEDUNIA 2024 UiTM CAWANGAN PULAU PINANG"**

**22 APRIL 2024M/ 13 SYAWWAL 1445H**

**(ISNIN)**

**TEMPAT**

**PERKARANGAN HOTEL**

**UiTM CAWANGAN PULAU PINANG**

Salutasi

1. **YANG BERBAHAGIA DATO' DR. HAJI ADNAN BIN MAT**
   **Presiden**
   Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan YBhg. Datin Isteri

2. **YANG BERUSAHA PROFESOR MADYA Ir. Ts. DR. HAJAH DR SITI NORAINI BINTI SULAIMAN**
   **Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)**
   Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

3. **YANG BERUSAHA ENCIK AMINUDDIN BIN AWANG**
   **Timbalan Presiden I**
   Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

4. **YANG BERUSAHA ENCIK AZMAN SHAH BIN ABDUL RAHMAN**
   **Timbalan Presiden 2**
   Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

5. **YANG BERUSAHA ENCIK ABDUL RAHMAN BIN MOHD NORDIN**
   **Setiausaha Agung**
   Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

6. **YANG BERUSAHA TUAN HAJI ZAIDI BIN SAID**
   **Pengerusi**
   Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Negeri Pulau Pinang

7. **YANG BERUSAHA PROFESOR MADYA Ts. DR BASHARUDDIN BIN ABDUL HADI**
   **Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)**
   Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

8. **YANG BERUSAHA TUAN HAJI MOHD RIZAL BIN ZAINOL**
   **Pengerusi**
   Kesatuan Kakitangan Umum Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (KKUUiTM)

9. **YANG BERUSAHA BARISAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN WAKIL - WAKIL DARIPADA KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS) DAN UiTM CAWANGAN PULAU PINANG**

10. **BARISAN AHLI JAWATANKUASA**

11. **SERTA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

**ASSALAMMUALAIKUM W.R.T**

**SALAM MALAYSIA MADANI**

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi yang barakah ini, dalam Program Penanaman Pokok Satu Juta Dalam Sehari Sempena Hari Bumi 2024 Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang yang berlaku serentak di seluruh negeri Pulau Pinang.

**2.** Progam yang diilhamkan sendiri oleh **Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang** untuk menanam pokok sehari secara serentak di seluruh negeri Pulau Pinang dan akan tercatat dalam Malaysia Book of Record (MBOR) bagi penanaman pokok terbanyak dalam sehari.

3. Di UiTM Cawangan Pulau Pinang kita mendapat kerjasama yang padu dengan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) selain KKUUiTM Cawangan Pulau Pinang dan PTJ dalaman.

4. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program pada pagi ini. **Selamat Datang ke UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh** kepada semua tetamu terutamanya Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Adnan Bin Mat, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan YBhg. Datin Isteri serta semua ahli pengurusan CUEPECS negara dan negeri Pulau Pinang.

5. Tahniah dan terima kasih semua!

**6.** Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan buat semua yang menjayakan program Penanaman Pokok Satu Juta Dalam Sehari Sempena Hari Bumi 2024 Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang **"Jadilah seperti pohon kayu yang lebat buahnya, tumbuh di tepi jalan dilempar buahnya dengan batu, tetapi**

**tetap dibalas dengan buah". Berbaktilah kepada alam sekitar, cintailah bumi kita.**

Dua rangkap pantun dari saya:

**Bunga Dedap Di Atas Para,**
**Anak Bertam Pasang Pelita,**
**Andai Tersilap Tutur Bicara,**
**Jari Disusun Maaf Dipinta.**

**Dari Pauh menaiki Feri,**
**Di Simpang Kuala Beli Suasa,**
**Marilah sama menabur bakti**
**Malaysia subur mekar sentiasa .**

**Salam Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin 1445H.** Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.